

## **Anak Sabah berkebolehan terajui UMS**

SUDAH menjadi kebiasaan di setiap negeri untuk memberi laluan kepada anak tempatan yang mencapai kekananan dalam perkhidmatannya untuk mengisi jawatan penting yang kosong di negeri berkenaan. Begitu juga jawatan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan kosong berikutan penyandang sekarang, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin akan menamatkan kontraknya pada 17 Mac depan.

Sehubungan itu, rakyat Sabah mengalu-alukan agar jawatan Naib Canselor UMS itu diberikan kepada anak tempatan yang sudah semestinya memiliki kelayakan yang sama dengan penjawat jawatan itu.

Seorang anak tempatan yang berkebolehan ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon yang berkhidmat dengan UMS sejak 1995.

Antara jawatan yang pernah yang dipegangnya termasuk Dekan Hal Ehwal Pelajar selama tiga tahun sejak 1996. Mempunyai kelulusan PhD di bidang Biochemistry dari Ohio State University Amerika Syarikat, Master of Science dari University York England dan Bachelor Science dari University Lancaster England. Kamaruzaman adalah anak kelahiran Keningau yang memiliki PhD dalam bidang Sains Tulen dan anak Sabah pertama menjadi profesor di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Pemilihan beliau sebagai Naib Canselor UMS kelak akan menjadi pendorong dan contoh kepada anak tempatan Sabah supaya terus berusaha dan belajar bersungguh-sungguh bukan saja untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, malah mampu mengangkat martabat negeri itu setanding dengan negeri lain di Malaysia. Ibu bapa dan rakyat Sabah akan mendapat suntikan semangat membina anak mereka menjadi pelapis kepada kepimpinan negeri dan negara satu hari nanti.

Sebagai rakyat Sabah, kami mengalu-alukan pelantikan Kamaruzaman sebagai Naib Canselor UMS yang ketiga. Pencalonan beliau ke jawatan itu akan membuktikan bahawa anak Sabah juga mempunyai kebolehan yang setara dari segi akademik, sekali gus menolak andaian Sabah masih ketinggalan berbanding rakan mereka.

Kita perhatikan lima universiti di negara ini iaitu Kelantan, Pahang, Terengganu, Melaka dan Sarawak mempunyai Naib Canselor yang berasal dari negeri berkenaan. Jika IPT berkenaan boleh mencalonkan anak tempatan mereka sebagai Naib Canselor mengapa Sabah yang diterajui Umno gagal berbuat demikian.

Rakyat Sabah tidak sesekali menentang penjawat awam dari Semenanjung atau Sarawak

sebagai Naib Canselor UMS tetapi inilah masa yang sesuai untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi peluang kepada anak tempatan seperti Kamaruzaman yang sudah mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk mengisi jawatan itu.

Rakyat Sabah tentu berbangga ada anak tempatan yang berkelayakan menjawat jawatan yang tinggi itu di sebuah IPT di negeri mereka sendiri satu perasaan yang sama dengan rakan mereka di negeri lain.

Kerajaan seharusnya melihat rayuan rakyat Sabah itu bukan semata-mata kerana tidak mahu orang lain memegang jawatan Naib Canselor UMS tetapi jika ada anak Sabah yang layak apa salahnya mereka diberi peluang.

Walaupun kami menyedari pelbagai kriteria diperlukan untuk menjadi Naib Canselor tetapi apakah Kamaruzaman masih tidak layak menggantikan Dr Mohd Noh. Sambil kami mengucapkan terima kasih kepada Dr Mohd Noh atas jasanya terhadap pembangunan UMS selama ini, UMS harus juga memiliki jati diri sendiri dengan memiliki Naib Canselornya sendiri. Namun, terpulang kepada kerajaan sama ada khidmat Naib Canselor sekarang perlu dilanjutkan setahun dua lagi!

**MOHD SAHALAN JAMIL,**  
Kota Kinabalu, Sabah.